

15/04/1998

Sektor kerajaan agresif di Infotech/ITX 98

PEMBABITAN sektor kerajaan di persidangan dan pameran perdana teknologi maklumat (IT) Infotech/ITX '98 yang akan diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur pada 21 hingga 24 April depan amat menggalakkan.

Setiausaha Tetap Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan (NITC) Tengku Datuk Dr Mohd Azzman Shariffadeen, berkata agensi kerajaan akan mempamerkan pelbagai perkhidmatan dan produk terkini walaupun konsep kerajaan elektronik (EG) belum dilaksanakan.

"Ini menunjukkan agensi kerajaan menerima kepentingan dalam menggunakan teknologi maklumat (IT) bagi operasi mereka," katanya di majlis penyerahan tajaan dari pelbagai syarikat di Kuala Lumpur, minggu lalu.

Sebanyak 11 syarikat yang menjadi penaja pameran Infotech/ITX 98 menyumbang sejumlah RM125,000 kepada penganjur pameran itu. Jumlah itu adalah tambahan kepada RM600,000 sumbangan Telekom Malaysia baru-baru ini.

Penyumbang kepada pameran itu termasuk Southern Bank Berhad, Epson Trading (M) Sdn Bhd, Unisys (M) Sdn Bhd, Software International Corporation (M) Sdn Bhd, Lotus Sales & Services Sdn Bhd, Formis Holdings Bhd, Asia Bridge Information Technology Sdn Bhd dan VADS Sdn Bhd.

Syarikat lain termasuk Miller Freeman Sdn Bhd, GITN Sdn Bhd dan Nationwide Express Courier Services Bhd.

Dijangkakan 35 ribu hingga 40 ribu pengunjung akan mengunjungi ruangan pameran yang telah ditempah sepenuhnya oleh agensi kerajaan dan syarikat swasta.

Pameran Infotech/ITX 98 yang akan dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dianjurkan oleh Mimos Bhd, Persatuan Industri Komputer Malaysia (Pikom), MDC, Mampu, dan Telekom Malaysia.

Akhbar rasmi bagi pameran itu ialah Berita Harian, Berita Komputer, New Straits Times, Computimes, Business Times, Business IT dan Sin Chew Jit Poh.

Selain produk agensi kerajaan, Azzman berkata, pameran tahun ini juga akan menampilkan produk IT buatan Malaysia.

"Pameran dan persidangan kali ini akan menjadi platform bagi mengenal pasti peluang mengkomersilkan produk IT yang dibangunkan di Malaysia," katanya.

Selain pameran, sidang video persidangan ke beberapa negeri akan turut diadakan. Hingga kini, Perak, Terengganu, Perlis, Sarawak, Negeri Sembilan, Kelantan, Kedah dan Sabah telah mengesahkan untuk sambutan kepada sidang video itu.

(END)